

HARI : JUMAAT
TARIKH : 28/6/2019
M/SURAT : 24A

Batu Pahat

Didik pengguna kendali petroleum

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) berusaha meningkatkan kesedaran pengguna terhadap kaedah pengendalian bahan petroleum yang betul dan selamat sama ada di stesen minyak, premis perniagaan dan kawasan perumahan.

Timbalan Menterinya, Chong Chieng Jin berkata, kesedaran pengendalian bahan petroleum seperti petrol, diesel atau gas memasak secara selamat masih kurang dalam kalangan pengguna kerana ramai tidak peka terhadap ciri keselamatan.

"Antara

kelakuan itu termasuklah penggunaan telefon bimbit serta tidak mematikan enjin kenderaan ketika mengisi petrol atau diesel, sedangkan ia amat berbahaya.

"Kita boleh mengambil iktibar dari kes kebakaran di stesen minyak yang berlaku sebelum ini seperti kebakaran stesen gas asli kenderaan (NGV) di Mount Austin, Johor Bahru pada 2016," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas merasmikan Kempen Kesedaran Keselamatan Petroleum Peringkat Negeri Johor 2019 di Stesen Minyak Petron Tongkang Pechah, di sini, semalam.



CHONG